

‘Erdogan tegas menuntut keadilan Palestin’

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan sebagai pemimpin berani dan tegas menuntut keadilan terhadap Palestin, sekali gus membawa keamanan di Asia Barat.

Ketika negara lain masih teragak-agak untuk bertindak, katanya, Erdogan menunjukkan kejelasan moral dan keberanian terhadap isu Palestin, bersuara tanpa gentar menentang perampasan, pendudukan dan pembunuhan beramai-ramai oleh Israel di Gaza.

“Sokongan Turkiye melebihi kata-kata, ia nyata, diplomatik dan teguh. Biar pun orang lain masih teragak-agak, beliau tetap

tegas. Apabila perhatian global semakin meningkat, beliau sudah memastikan sokongan untuk Palestin diterjemahkan ke dalam tindakan yang bermakna,” katanya.

Menyampaikan ucapan aluan pada majlis syarahan umum Presiden Turkiye itu, di sini semalam, Anwar berkata, atas keberanian itu, Turkiye kini antara kuasa global dan memperoleh reputasi sebagai pengantara dipercayai untuk keamanan di Asia Barat dan hal ehwal Eropah.

Beliau berkata, hasilnya boleh dilihat hari ini dengan dorongan prestasi ekonominya, peremajaan infrastruktur dan diplomasi pemimpin Turkiye itu yang be-

rani, semuanya berpaksi kepada kewibawaan kepimpinan.

“Kejayaan dron Bayraktar adalah kejayaan industri. Projek kenderaan elektrik TOGG, kemajuan dalam teknologi angkasa lepas dan evolusi pesat keupayaan kecerdasan buatan (AI), semuanya menunjukkan (Turkiye) enggan dibelenggu kekangan masa lalu.

“Hari ini, Turkiye bukan saja bertindak balas terhadap masa lalu, ia membentuknya. Ini kerana Presiden Erdogan memahami bahawa sejarah tidak memandang baik kepada orang yang lemah lembut, (sebaliknya) ia memihak kepada yang berani,” katanya.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan, Anwar berkata, lawatan Erdogan mengukuhkan semula hubungan erat, berkekalan dan berpandangan jauh antara Malaysia dan Turkiye.

Perdana Menteri berkata, selama lebih dua dekad, Erdogan memimpin Turkiye melalui era transformasi luar biasa, melakukannya dengan tujuan yang jelas dan keyakinan yang jarang dan patut dicontohi.

“Presiden Erdogan telah mengubah cara diplomasi Turkiye, menggembalikan kebanggaan negara dan memposisikan Turkiye sebagai pemain yang tidak dapat diketepikan di pentas global,” katanya.